

## Melaka miliki gentian optik berkapasiti tinggi

**A**YER KEROH: Melaka bakal menjadi negeri pertama di negara ini memiliki gentian optik berkapasiti tinggi sendiri apabila teknologi itu dibangunkan di 42 lokasi premis kerajaan di seluruh negeri dengan kos RM18.2 juta.

Projek itu yang dijadual siap September ini dan dibiayai oleh Perbadanan Ketua Menteri (CMI) akan menyediakan kemudahan internet berkelajuan paling tinggi di Melaka iaitu 500 kali ganda berbanding teknologi tanpa wayar sedia ada.

Gentian optik yang dibangunkan ini akan memiliki kelajuan teras 40 gigabit

sesaat dengan setiap lokasi mempunyai kelajuan akses 1 gigabit berbanding 42 megabit yang digunakan ketika ini.

Bagi fasa pertama projek, ia akan ditempatkan di empat pusat rangkaian utama iaitu di Seri Negeri dan Wisma Negeri bagi daerah Melaka Tengah, Pejabat Tanah dan Daerah Jasin bagi daerah Jasin dan Pejabat Tanah dan Daerah Alor Gajah bagi daerah Alor Gajah.

Kawasan keseluruhan bakal terbabit adalah seluas 130 kilometer.

Kelmarin, CMI menandatangani memorandum persefahaman dengan

Melaka ICT Holdings (MITCH) dan Privanet Sdn Bhd, kontraktor yang dilantik untuk menyelenggara penyambungan gentian optik berkenaan di Seri Negeri di sini.

Pada majlis itu, CMI diwakili Pengurus Besarannya, Ismail Lajim, manakala MITCH diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Dr Mohamed Sulaiman Sultan Suhaibuddeen dan Privanet Sdn Bhd oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Puvanesan Subenthiran.

Hadir menyaksikan majlis itu adalah Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.